

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendehahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **Takaful Infinite PA**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Takaful Infinite PA?

Takaful Infinite PA ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian, hilang upaya kekal dan elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, dan Ju'alah dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1.	Kematian Akibat Kemalangan	50,000	150,000	500,000	1,000,000
2.	Kematian Akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya	5,000	15,000	50,000	100,000
3.	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – sehingga	50,000	150,000	500,000	1,000,000
4.	Indemniti Berganda – sehingga	100,000	300,000	1,000,000	2,000,000
5.	Tunai Ihsan	1,000	1,000	1,000	1,000
6.	Dana Pendidikan Anak – setiap anak	20,000	20,000	20,000	20,000
7.	Tunai Bulanan bagi Hilang Upaya Kekal Menyeluruh – sehingga 5 tahun	2,000	2,000	2,000	2,000
8.	Perbelanjaan Perubahan Cara Hidup – sehingga	4,000	6,000	8,000	10,000
9.	Baki Tunggakan Pembiayaan / Pinjaman – sehingga	20,000	20,000	20,000	20,000
10.	Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Kemalangan – sehingga 30 hari	50 sehari	100 sehari	200 sehari	300 sehari
11.	Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya – sehingga 30 hari	50 sehari	50 sehari	50 sehari	50 sehari
12.	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – sehingga	2,000	3,000	4,000	5,000
13.	Ragut – sehingga	1,000	1,000	1,000	1,000
14.	Lain-lain manfaat:				
	Keganasan dan Rampasan	Dilindungi			
	Bonus Pembaharuan	Sehingga 50% Jumlah Pokok Yang Dilindungi untuk Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Manfaat 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan Manfaat 4 (Indemniti Berganda)			

Nota: Manfaat Anak yang Layak – Untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Kematian akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya, Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan dan Manfaat Indemniti Berganda untuk anak adalah 20% daripada jumlah yang dinyatakan di atas.

Manfaat pilihan dengan sumbangan tambahan:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat untuk Dewasa Sahaja (RM)
1.	Kerugian atau Kerosakan Peralatan Sukan – sehingga	3,000
2.	Perlindungan Peranti Pintar – sehingga	3,000
3.	Manfaat Mingguan untuk Hilang Upaya Menyeluruh Sementara – sehingga 24 minggu	200 seminggu, sehingga 4,800
4.	Kehilangan Pendapatan Kerana Pemberhentian Kerja – untuk 3 bulan	500 sebulan
5.	Perbelanjaan Perubatan Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya – sehingga	2,000
6.	Kematian atau Hilang Upaya Akibat Kemalangan Akibat Aktiviti & Sukan Berbahaya - sehingga	50,000
7.	Bantuan untuk COVID-19	500

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil anda tidak melindungi:

1. Penyakit berjangkit, kecuali yang dilindungi di bawah sijil;
2. Keadaan sedia ada;
3. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
4. Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
5. Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya;
6. Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai penumpang;
7. Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain; atau
8. Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuklear dan tindakan pengganas.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di at 1-300-88-6688
(Pusat Panggilan Kumpulan Maybank)



Layari laman web ¹



Emel kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

¹ salin pautan ini: https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/insurance/personal_accident/infinite-personal-accident-takaful.page?

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Infinite PA, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih dan jenis skim. Sebagai sampel ilustrasi jumlah manfaat RM500,000.00, Pelan 3, anda harus membayar sumbangan tahunan sebanyak:

Jenis skim	Diri Sendiri	Diri Sendiri dan Pasangan	Diri Sendiri dan Anak	Keluarga
Sumbangan Asas (RM)	875.10	1,575.25	1,211.10	1,998.70
Manfaat Pilihan				
1. Kerugian atau Kerosakan Peralatan Sukan	274.90	494.85	274.90	494.85
2. Perlindungan Peranti Pintar	133.65	240.55	133.65	240.55
Jumlah Sumbangan	1,283.65	2,310.65	1,619.65	2,773.10
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:				
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25%	25%	25%	25%
Cukai Perkhidmatan	8%	8%	8%	8%
Jumlah Fi Wakalah	Sehingga 45%	Sehingga 45%	Sehingga 45%	Sehingga 45%
Duti Setem	10.00	10.00	10.00	10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	1,396.34	2,505.50	1,759.22	2,962.83

- Sumbangan boleh dibuat secara autodebit daripada akaun pilihan anda (semasa/simpanan/kad kredit) mengikut kaedah pilihan anda, sama ada bulanan atau tahunan.
- Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.